

MEMAHAMI PASARAN SAHAM

ANTARA faktor yang mempengaruhi harga sesuatu saham termasuklah pergerakan pasaran saham secara keseluruhannya. Oleh itu, langkah memahami pasaran saham adalah penting bagi mereka yang ingin membuat pelaburan dalam saham syarikat. Malah terdapat kenyataan daripada penganalisis pelaburan bahawa pasaran saham mempunyai "mindanya sendiri".

Dalam konteks negara ini, pasaran saham di Malaysia dikenali sebagai Bursa Malaysia. Sejarah pasaran saham tempatan bermula sejak tahun 1930 lagi dan sudah mengalami evolusi hingga berada pada tahap yang ada sekarang, yakni syarikat Bursa Malaysia disenaraikan di pasaran seperti syarikat tersenarai yang lain. Cergas atau tidaknya pasaran saham diukur oleh indeks yang dikenali sebagai Indeks Bursa Malaysia. Indeks ini dianggap mewakili syarikat yang tersenarai dan dijadikan rujukan serta perhatian bagi mereka yang ingin mengkaji pasaran saham.

Sungguhpun syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia melebihi 800 buah syarikat, hanya 30 buah syarikat yang terpilih dalam komponen Indeks Bursa Malaysia. Pemilihan ini dibuat berdasarkan beberapa kriteria tertentu

yang dapat menggambarkan pasaran secara keseluruhannya. Antaranya termasuklah jumlah modal berbayar, kepentingan syarikat dalam industri dan jumlah dagangan. Terdapat juga indeks bagi industri tertentu untuk mengukur pergerakan saham dalam industri yang terbabit, misalnya Indeks Kewangan.

Pemilihan 30 buah syarikat yang mewakili pasaran keseluruhannya merupakan amalan biasa dalam pasaran saham di seluruh dunia. Indeks Dow Jones Averages misalnya, terdiri daripada 30 buah syarikat terpilih, walaupun syarikat yang disenaraikan di Wall Street beribu-ribu jumlahnya dan indeks ini sudah digunakan sejak lama dahulu. Indeks Bursa Malaysia sekarang berlegar pada paras 1800 mata dan paras ini merupakan pencapaian tertinggi yang pernah dicapai semenjak sekian lama.

Satu lagi ukuran yang digunakan bagi menilai pasaran ialah permodalan pasaran (*market capitalization*). Permodalan pasaran dikira dengan mendarabkan jumlah modal berbayar semua syarikat tersenarai dengan harga pasarnya. Jumlah ini sentiasa berubah-ubah mengukur pergerakan harga pasaran semasa. Pada ketika ini, jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia sekitar lebih daripada RM1 trilion. Bagi pelabur asing, jumlah ini amat penting untuk mengukur "dalamnya" (*depth*) pasaran kerana mereka akan masuk dalam pasaran yang besar yang membolehkan mereka keluar dan masuk dengan mudah.

Murah atau mahal nya pasaran juga dapat diukur melalui nisbah harga untung (*Price/Earning Ratio - P/E*) pasaran. Pengiraan yang mudah adalah dengan membahagikan permodalan pasaran dengan jumlah keuntungan syarikat yang tersenarai. Pelabur asing akan membandingkan P/E setiap pasaran yang ingin dimasukinya. Sekiranya P/E satu pasaran ialah 10, manakala P/E pasaran yang lain ialah 16, tentunya

mereka akan melabur dalam pasaran yang mencatatkan P/E yang lebih rendah. Ukuran mudah (*rule of thumb*) ini adalah antara kriteria yang dipertimbangkan oleh pelabur asing, selain melihat juga faktor yang lain sebelum memasuki sesuatu pasaran.

Pasaran saham dianggap sebagai petunjuk awal (*leading indicator*) perkembangan ekonomi. Sebagai contoh, kejatuhan Wall Street pada tahun 1929 mendahului kemelesetan ekonomi tahun 1932. Begitu juga dengan peristiwa merudumnya pasaran saham Tokyo pada tahun 1989 (yang masih tidak pulih hingga kini) mendahului kemelesetan ekonomi Jepun yang berpanjangan.

Kaitan yang rapat antara pasaran saham dengan fundamental ekonomi disebabkan oleh syarikat yang tersenarai dapat dianggap sebagai mewakili ekonomi. Jika keuntungan atau pendapatan syarikat menunjukkan penurunan yang ketara secara keseluruhannya, maka keadaan ini memberikan petanda awal bahawa ada yang tidak kena dengan fundamental ekonomi. Oleh hal yang demikian, dalam analisis pasaran saham, analisis ekonomi merupakan komponen yang penting.

Sentimen pelabur juga merupakan unsur penting yang mempengaruhi pergerakan pasaran. Sentimen ini didorong oleh kejadian atau insiden yang buruk atau yang menggembirakan. Umpamanya kejadian gempa bumi di Kobe, Jepun dan Mexico yang menjejaskan pasaran seketika di kedua-dua buah negara itu. Sementara itu, kemenangan parti politik tertentu dalam pilihan raya turut berupaya membuangkan sentimen kegembiraan dan mampu melonjakkan pasaran. Masalahnya ialah apabila sentimen itu kadang-kadang diburukkan oleh kesan yang berlarutan atau bertali-tali yang tambah memburukkan keadaan. Sebagai pelabur kita harus berhati-hati terhadap kesan sementara ini supaya kita tidak terdorong untuk membuat keputusan pelaburan yang tidak bijak.

Di samping itu, kenyataan yang dikeluarkan oleh tokoh penting yang dianggap sebagai penggerak pasaran (*market mover*) turut memberikan kesan kepada turun naik pasaran. Sebagai contoh, kenyataan dan komen Tun Daim Zainuddin, mantan Menteri Kewangan Malaysia,

dapat mempengaruhi pasaran dengan turun naik yang mendadak. Hal ini dikatakan demikian kerana pelabur mempercayai kenyataan itu benar dan sekali gus dapat mempengaruhi pasaran. Oleh itu, mereka mengambil tindakan dengan menjual atau membeli saham dan apabila tindakan tersebut disertai oleh banyak pelabur, maka hal ini akan mempengaruhi pasaran. Keadaan tersebut dapat dikaitkan dengan psikologi kumpulan (*crowd psychology*) atau yang dikenali sebagai "jumping into the bandwagon".

Selain tokoh politik atau tokoh kewangan, penggerak pasaran juga terdiri daripada penganalisis pasaran yang mempunyai banyak pengikutnya dan sudah terbukti ketepatan ramalan mereka. Namun begitu, penganalisis pasaran hanya dapat bertahan beberapa tahun dan sekali mereka silap dalam ramalannya, pengikut meraka mula menjauhi diri, seterusnya mereka dilupakan.

Sekitar dekad 1970-an, nama Joseph Granville menjadi sebutan ramai. Beliau merupakan penganalisis pasaran yang menggunakan carta dalam analisis pelaburan dan kaedah ini dikenali sebagai "analisis teknikal" untuk meramalkan pergerakan pasaran. Beliau berjaya mendapat ramai pengikut dan tindakan pengikutnya secara berkumpulan mengikut saranannya diterjemahkan dalam pergerakan

Kita harus berhati-hati terhadap kesan sementara supaya kita tidak terdorong untuk membuat keputusan pelaburan yang tidak bijak.





dalam pasaran. Walau bagaimanapun, sebagai penganalisis pasaran—yang datang dan pergi serta silih berganti—kemasyhuran Josepy Granville turut hilang apabila pengikutnya meninggalkan beliau ekoran ramalannya yang tidak menjadi.

Di Malaysia, sekitar dekad 1990-an, nama David Fuller begitu gah dalam kalangan peserta pasaran dan pelabur institusi. Beliau datang ke Malaysia setiap tahun untuk mengendalikan seminar pelaburan dan menyarankan saham yang patut dibeli, di samping meramalkan paras indeks pasaran dalam tempoh terdekat. Seminar beliau yang diadakan di hotel terkemuka penuh sesak dengan peserta yang sanggup membayar yuran penyertaan lebih daripada RM1000 setiap seorang. Namun demikian, sekarang nama David Fuller sudah dilupakan dan generasi penganalisis yang baharu tidak pun mengenali beliau.

Sementara itu, pasaran saham tempatan juga dipengaruhi oleh pasaran saham serantau dan pasaran saham global. Pergerakan yang mendadak dalam pasaran saham tersebut akan memberikan kesan terhadap sentimen pasaran saham tempatan yang mengikut pergerakan turun atau naik. Selain itu, pengeluaran modal asing

Oleh sebab mereka melabur dalam jumlah yang banyak, sudah tentu pergerakan mereka dari pasaran ke pasaran memberikan impak juga.

Rahim Aziz,
Ketua Pegawai
Eksekutif
ELD Global Sdn. Bhd.

dari pasaran ke pasaran lain turut memberikan kesan. Oleh sebab mereka melabur dalam jumlah yang banyak, sudah tentu pergerakan mereka dari pasaran ke pasaran memberikan impak juga.

Terdapat juga beberapa aspek teknikal yang harus difahami, antaranya termasuklah kesan Januari (*January effect*) dan hiasan tingkap (*window dressing*). Kesan Januari berlaku apabila pasaran dijangkakan meningkat pada pertengahan ulan Januari akibat tindakan pelabur membeli saham untuk membentuk portfolio mereka bagi tahun itu. Hal ini berlaku disebabkan oleh tindakan pelabur menjual pegangan mereka pada bulan Disember kerana aspek percukaian. Kebanyakan mereka mendapat bonus akhir tahun yang digunakan untuk membuat pelaburan. Fenomena ini berlaku dalam pasaran saham di seluruh dunia, tetapi keadaan tersebut tidak semestinya berlaku setiap tahun. Hiasan tingkap pula berkaitan rapat dengan pengurusan dana institusi (*institutional funds*). Hal ini terjadi demikian kerana mereka ingin dana mereka kelihatan "cantik" pada pengakhir tahun kewangan, sama ada pada 30 Jun atau 31 Disember setiap tahun. Oleh itu, bulan tersebut mereka membuat pembelian agresif bagi melonjakkan harga saham dalam portfolio mereka.

Persoalannya, dapatkah pasaran saham diramalkan? Mengikut pengamal "*Efficient Market Theory*", kerja meramalkan pasaran merupakan aktiviti yang sia-sia kerana segala maklumat penting mengenai syarikat atau pasaran telah pun termaktub dalam harga semasa. Walau bagaimanapun, analisis pelaburan, sama ada secara teknikal atau fundamental, masih menjadi aktiviti penting dalam setiap institusi pelaburan.

Beberapa kaedah dicipta, misalnya *Japanese Candlesticks* dan *Elliot Wave Theory*, yang menggunakan carta untuk membuat ramalan tentang harga saham dan pasaran. Ada kalanya kaedah ini menghasilkan kejayaan dan ada kalanya tidak. Yang penting, sebagai pelabur anda harus tahu objektif pelaburan anda dan seterusnya menggunakan kaedah yang sesuai dengan anda tanpa terpengaruh dengan "fad" yang terbaharu yang dijaja oleh mereka yang inginkan keuntungan. **de**